

MENJAGA KEASLIAN AL-QURAN DAN HADIS DI ERA DIGITAL

Nur Aizzat bin Mohamed¹
Afif Aiman bin Asbi²
Zulhilmi bin Alwi³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: aizzatmohamed@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: afif_aiman@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: hilmialwi@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Dalam era digital ini, teknologi telah membawa pembaharuan kepada umat Islam dalam mengakses ayat-ayat suci Quran dan Sunnah dengan lebih mudah dan tiada had batasan. Perkara ini telah mempengaruhi cara umat Islam dalam mengamalkan dalam kehidupan seharian. Walaupun teknologi memberikan banyak kebaikan dan kemudahan, ia juga membawa cabaran dalam menjaga keaslian teks suci Islam kerana terdapat sebahagian di antaranya telah diubah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menyelidik cara-cara untuk menjaga keaslian Quran dan Sunnah dalam konteks teknologi digital. Kajian ini mengkaji permasalahan utama berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam Islam, termasuk isu keaslian teks, penyebaran maklumat palsu, dan tafsiran yang salah. Dalam kajian ini juga mengupas cabaran dalam memastikan sumber yang sahih digunakan dalam pendekatan digital. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi dan amalan terbaik dalam menjaga keaslian Quran dan Sunnah dalam era digital. Kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan merujuk kepada sumber yang sahih dalam agama. Kajian ini menggunakan pendekatan menggabungkan analisis literature. Data akan dianalisis untuk mendapatkan wawasan yang mendalam. Dalam kajian ini, akan menunjukkan strategi dan panduan praktikal untuk menjaga keaslian Quran dan Sunnah dalam era digital. Juga menunjukkan isu-isu yang perlu ditangani dalam penggunaan teknologi dalam Islam. Kesimpulan bagi kajian ini adalah walaupun teknologi digital memberikan banyak manfaat, namun ia juga membawa cabaran dalam menjaga keaslian Quran dan Sunnah. Jika digunakan dengan sebaiknya ia akan membawa peluang besar untuk menyebarkan ajaran Islam. Dengan berlandaskan pendidikan dan kesedaran, serta mengamalkan amalan terbaik, keaslian Quran dan Sunnah boleh dikekalkan dalam era digital ini.

Keywords: Keaslian, Quran, Sunnah, Era, Digital

Pendahuluan

Dalam era digital yang serba canggih, kemudahan untuk mendapatkan pelbagai informasi dengan lebih mudah termasuklah teks al-Quran dan hadis. Ini kerana ianya boleh di akses di hujung jari melalui pelbagai platform digital. Walaubagaimanapun, kecanggihan ini memberikan cabaran yang besar di dalam kehidupan khususnya dalam menjaga keaslian al-Quran dan Hadis. Hal ini kerana, Masyarakat awam bebas untuk mengaksesnya tanpa mengetahui kesahihan dan keasliannya. Kebiasannya keaslian al-Quran dan Hadis ini dimanipulasi oleh musuh-musuh Islam yang membenci dan ingin memburukan imej Islam. Menurut Shahril (Shahril Nizam Zulkipli, 2021), penggunaan teks digital perlu diambil perhatian sewajarnya kerana boleh melibatkan isu-isu serangan jenayah siber yang mampu mempengaruhi teks al-Quran dan Hadis digital.

Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti kepentingan menjaga keaslian Al-Quran dan Hadis
2. Mengenalpasti cabaran dalam menjaga keaslian Al-Quran dan Hadis di era digital
3. Mengenalpasti usaha yang berterusan dalam menjaga keaslian Al-Quran dan Hadis di era digital

Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan untuk mengkaji tajuk Menjaga Keaslian Al-Quran dan Hadis di Era Digital adalah melalui kaedah penyelidikan kualitatif. Pengkaji menggunakan kajian kualitatif dengan kaedah dokumen analisis yang mengumpulkan dokumentasi daripada kajian-kajian lepas serta menganalisis isu-isu yang berkaitan dengan tajuk kajian. Maklumat yang diperolehi didalam kajian adalah berdasarkan kepada bahan rujukan yang berbentuk jurnal ilmiah. Penyelidikan perpustakaan digunakan dalam mendapatkan data yang relevan dan bahan rujukan serta informasi yang benar seperti rujukan buku, artikel dan laman web yang berkaitan.

Kajian Literatur

Terdapat pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh ahli akademik dalam menyatakan cabaran dan usaha yang baik bagi menjaga keaslian Al-Qura'an dan hadis, antaranya kajian bertajuk *Tren-Tren Wacana Studi Al-Quran dalam Pandangan Orientalis di Barat* Oleh Muhammad Anshori. sejarah penerjemahan Al-Quran, pengaruh Yahudi-Kristen terhadap Al-Quran, dan kajian kritis terhadap Al-Quran. tulisan ini masih bersifat umum dan hanya deskriptif. Hasil kajian mendapati awal mula kesejarahan studi Al-Quran di Barat adalah melalui tradisi penerjemahan. Terjemahan Al-Quran sangat membantu seseorang untuk memahami isi kandungan Al-Quran meskipun tidak sepenuhnya.

Selain itu, Pandangan Orientalis Terhadap Qira'at Al-Quran Oleh Hamnah, mendapat perhatian pengkaji, Objektif Penelitian ini membahaskan tentang orientalis dan pandangan Orientalis terhadap qira'at Al-Quran. Kajian dari peneltian ini menggunakan kajian literatur yang mana literatur yang diambil sesuai dengan pokok pembahasan dan di analisis secara mendalam sehingga dapat diambil kesimpulan dan temuan dalam penelitian. Hasil kajian mendapati bahwa kajian orientalis terhadap qira'at jelas merupakan usaha untuk memberikan keraguan kepada umat Islam terhadap otentisitas mushaf utsmani.

Seterusnya kajian yang bertajuk Penyebaran Hadith Palsu Dalam Media Massa Dan Media Sosial: Realiti Dan Cabaran oleh Dr Faisal Ahmad Shah juga menjadi inspirasi bagi kajian ini. objektif penulisan ini ialah untuk mendedahkan kepada masyarakat Islam tentang faktor penyebaran hadith palsu di Malaysia dan kesannya kepada ibadat dan syariat itu sendiri. Metode penulisan ialah secara dokumentasi yang merujuk sepenuhnya kepada tesis, disertasi, jurnal dan buku-buku rujukan terdahulu yang berkaitan. Hasil dapatan merumuskan bahawa penyebaran hadith palsu adalah berpunca daripada sikap masyarakat sendiri yang bersikap gopoh dalam berkongsi hadith-hadith Nabi tanpa bertanyakan statusnya terlebih dahulu.

Antara lain juga, Strategi efektif Dalam Mencegah Penyebaran Hadis Palsu di Media Sosial oleh Muhammad Ghifari. Objektif penulisan ini ialah mengidentifikasi faktor-faktor yang mempengaruhi penyebaran hadis palsu, seperti sifat viral media sosial, tujuan di balik penyebaran hadis palsu, dan manipulasi teks hadis. Metode kajian ialah merangkumi kajian tekstual dan kerja lapangan dengan perspektif falsafah, filologi, sosiologi, antropologi, arkeologi, seni dan Sejarah. Hasil kajian dapat memperoleh Solusi meliputi pendidikan dan kesadaran terhadap verifikasi sumber informasi, peran aktif komunitas keagamaan dalam memberikan pemahaman yang benar, pemanfaatan teknologi untuk verifikasi keaslian hadis, kolaborasi dengan platform media sosial, dan penegakan hukum terhadap pelaku penyebaran hadis palsu.

Seterusnya berjudul Hadis Palsu, Pemalsuan Dan Pencegahannya Di Era Digital, Oleh Ahmad Farih Dzakiy, Anisa Dwi Ustadiyah, Muhammad Luqman Hakim, Untuk mengetahui kesahihan sebuah hadis dapat dilihat dari sanad dan matannya. Objektifnya sebagai Penelitian ini dimaksudkan untuk memberikan wawasan bagi pembaca mengenai pemalsuan hadis, cara untuk membedakan antara hadis shahih dan hadis palsu serta cara mencegah pemalsuan hadis dan penyebaran hadis palsu di era modern. Artikel ini menggunakan metode penelitian kuantitatif. rumusan dalam penulisan artikel ini, antaranya adalah apa itu hadis palsu, pemalsuan hadis, bagaimana sebab, motifasi, tokoh, latar belakang serta pencegahan pemalsuan hadis.

Manakala bagi Perkembangan Quran dan hadis di era digital pula antara yang menjadi rujukan pengkaji ialah The Use of Digital Quran Application among Diploma Students of UiTM Perak Branch, Tapah Campus. Oleh Norazmi Anas et al. 2016 membuat kajian ini bertujuan untuk mengevaluasi penggunaan aplikasi Al-Quran digital di kalangan mahasiswa diploma Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak Branch, Tapah Campus, sesi 2016/2017. Metode penelitian melibatkan penggunaan kuesioner dan analisis data statistik deskriptif dengan menggunakan perangkat lunak IBM SPSS 20.0. Temuan menunjukkan tingkat kesadaran membaca Al-Quran secara terus-menerus masih rendah (36,2%-49,7%) dan

frekuensi penggunaan aplikasi Al-Quran digital cenderung rendah. Keterbatasan kesadaran, kurangnya praktik membaca secara terus-menerus, dan ketidakpastian tentang prosedur penggunaan aplikasi menjadi faktor utama. Kesimpulannya, diperlukan upaya untuk meningkatkan kesadaran mahasiswa tentang pentingnya membaca Al-Quran secara berkelanjutan, baik menggunakan mushaf maupun aplikasi digital.

Selain itu, Peranan Media Sosial Dan Kepentingan Pendigitalan Hadis Pada Masa Kini Terhadap Ummah Oleh Muhamad Khairul Hizam Mazzuki et al. 2023 Penulisan ini bertujuan untuk menggambarkan kepentingan pendigitalan hadis pada zaman ini bagi umat Islam, yang dianggap sebagai kebutuhan agar masyarakat dapat memanfaatkan teknologi dengan benar. Selain itu, pendigitalan hadis diharapkan dapat mengatasi penyebaran hadis palsu melalui media sosial. Metodologi kajian ini menggunakan sumber-sumber rujukan seperti kitab-kitab hadis, artikel jurnal, dan buku. Hasil dari kajian ini adalah memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Islam khususnya dalam mentransformasi ilmu yang mulia ini dengan teknologi moden. Akhir sekali, diharap kertas kerja ini mampu membantu umat manusia Muslim khususnya supaya dapat bersama menjaga dan memelihara hadis itu sebagai rujukan serta semoga perkembangan ilmu hadis ini secara langsung dapat memperkasa dan memelihara keautoritian hadis di era ICT.

Seterusnya ialah *The Fiqh Al-Hadith of Digital Media: The Method Of Hadith Understanding Of The Website Bincangsyariah.com And Its Contribution To The Moderate Islam Discourse* Oleh Ria Candra Widayaningsih, Muhammad Irfan Helmy 2021, Penelitian ini menilai sumbangan laman web Bincangsyariah.com dalam menyediakan maklumat berkaitan isu-isu keagamaan dengan fokus terhadap fiqh al-hadith. Kaedah analisis wacana digunakan untuk mendedahkan hubungan antara corak dan matlamat yang terungkap melalui elemen linguistik. Hasilnya menunjukkan bahawa Bincangsyariah.com berjaya menyediakan perbincangan yang relevan dengan keperluan masyarakat, terutamanya dalam menyediakan penyelesaian terhadap masalah undang-undang. Selain itu, laman web ini menjaga ketidakprovokatifan dengan tidak menyajikan kandungan yang memicu kebencian atau penyalahgunaan terhadap kumpulan tertentu. Dengan itu, Bincangsyariah.com dianggap sebagai laman web yang menyumbang kepada penyebaran kandungan Islam Moderat.

Hadith In Education in The Digital Era (Case Study at SMK Negeri 5 Pekanbaru) Oleh Nurhadi, Ilyas Husti 2023. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan hadis dalam pendidikan era digital (kajian kes di SMKN 5 Pekanbaru). Kajian ini bersifat deskriptif kuantitatif. Kesimpulan kajian ini adalah 1) penggunaan media pembelajaran berbasis teknologi dalam era digital: 60% responden sangat setuju dengan penggunaan teknologi dalam era digital, 25% responden setuju, 7% responden ragu-ragu, dan 8% responden tidak setuju dengan pembelajaran menggunakan teknologi digital.

Action Research in Hadith Literacy: A Reflection of Hadith Learning in the Digital Age. Oleh J. Julia Tedi Supriyadi et al. 2020, Seiring dengan perkembangan teknologi internet, banyak hadis palsu yang beredar di internet. Penelitian ini memberikan contoh hasil dari kerja tim kolaboratif untuk meningkatkan literasi hadis. Desain Penelitian Tindakan dipilih untuk menemukan solusi terhadap masalah melalui refleksi kritis dalam proses pembelajaran Al-Quran. Prosedur Penelitian Tindakan digabungkan dengan model 3R Kern, yaitu Responding,

Revising, dan Reflecting. Penelitian ini melibatkan 398 siswa sebagai partisipan penelitian di salah satu perguruan tinggi di Jawa Barat, Indonesia. Penelitian ini menghasilkan beberapa temuan: 1) Enam langkah diambil untuk meningkatkan literasi hadis, yaitu formulasi tujuan pembelajaran, pemilihan media, pembaruan pengetahuan hadis, pemahaman terhadap media pembelajaran, penerapan media pembelajaran, dan evaluasi. 2) Dua aplikasi digunakan sebagai media pembelajaran dalam meningkatkan literasi hadis, yaitu ilmu hadis dan Ensiklopedi Hadits Kitab 9 Imam (EHK9I, Ensiklopedia Hadits dalam kitab 9 Imam). 3) Tindakan reflektif dan integrasi kedua aplikasi menunjukkan peningkatan dalam tiga aspek literasi, yaitu literasi data (54,33%), literasi teknologi (63,07%), dan literasi manusia terkait narasi hadis (93,59%). Dapat disimpulkan bahwa langkah-langkah yang diambil dengan memanfaatkan dua aplikasi sebagai media pembelajaran dapat meningkatkan kemampuan partisipan dalam melacak dan menentukan otentisitas suatu hadis.

Dapatan Kajian

Hasil kajian ini mendapati bahawa menjaga keaslian Al-Quran dan Hadis di era digital mempunyai cabaran yang sangat besar dan menjadi kewajipan untuk setiap muslim untuk memelihara keaslian bagi dua sumber panduan bagi umat manusia ini. Kajian ini juga telah mengemukakan cabaran yang dihadapi dan usaha yang berterusan dalam memastikan keaslian Al-Quran dan hadis terjamin. Dengan ini, dapatlah memberi manfaat dan pengajaran kepada masyarakat dalam usaha menjaga keaslian al-Quran dan Hadis di era digital ini. Akhir sekali, kajian ini berharap dapat memberikan kesedaran kepada semua muslim tentang kepentingan menjaga keaslian al-Quran dan Hadis dalam kehidupan.

Perkembangan Al-Quran

Sejarah perkembangan Al-Quran boleh dibahagikan kepada tiga fasa:

1. Fasa Penghantaran Lisan (610-632 M)

Dalam dua puluh dua tahun pertama kenabian, Nabi Muhammad SAW menerima wahyu Al-Quran secara beransur-ansur. Malaikat Jibril akan datang kepadanya pada pelbagai masa dan keadaan yang tepat, tidak kira semasa baginda sedang berdoa, atau semasa baginda sedang makan, dan semasa baginda sedang bersama-sama dengan para sahabatnya. Nabi Muhammad SAW disebabkan baginda seorang *ummi* iaitu orang yang tidak tahu membaca atau menulis, justeru baginda akan menghafal ayat-ayat yang diwahyukan kepadanya dan membacakannya kepada para sahabatnya (Mohamad Redha Bin Mohamad, 2019). Para sahabat juga menghafal ayat-ayat tersebut dan membacakannya kepada orang lain. Dengan cara ini, Al-Quran disampaikan secara lisan dari satu orang ke orang lain selama lebih dari dua dekad.

2. Fasa Penulisan dan Kompilasi (632-656 M)

Selepas berhijrah ke Madinah, Nabi Muhammad SAW mula melantik penulis untuk menulis ayat-ayat Al-Quran yang diwahyukan kepada baginda. Penulis-penulis ini termasuk Zaid ibn

Thabit, Ali ibn Abi Talib, dan Uthman ibn Affan. Para penulis yang dilantik tersebut menulis ayat-ayat tersebut di atas pelepah kurma, kepingan batu, kulit binatang, perca kain dan sebagainya. Selepas kematian baginda, timbul kebimbangan bahawa ayat-ayat Al-Quran mungkin hilang kerana syahidnya para huffaz semasa kejadian peperangan menentang golongan enggan membayar zakat, orang-orang murtad, golongan yang mengakui Nabi dan sebagainya. Khalifah Abu Bakr al-Siddiq memutuskan untuk mengumpulkan ayat-ayat Al-Quran menjadi sebuah buku tunggal. Beliau melantik Zaid ibn Thabit untuk mengumpulkan dan menyusun ayat-ayat tersebut. Zaid menghabiskan beberapa bulan mengumpulkan dan memeriksa ayat-ayat, dan akhirnya beliau menghasilkan satu salinan tunggal Al-Quran. Salinan ini, dikenali sebagai Mushaf Zaid, dianggap sebagai penyusunan rasmi pertama Al-Quran.

3. Pengumpulan dan penulisan semula (656 M hingga kini)

Fasa ketiga dalam sejarah Al-Quran ialah fasa piawai dan penghantaran. Selepas kematian Abu Bakr, khalifah Uthman ibn Affan memutuskan untuk piawai teks Al-Quran. Beliau melantik sebuah jawatankuasa untuk membandingkan Mushaf Zaid dengan salinan-salinan Al-Quran lain yang wujud. Jawatankuasa itu mendapati ada beberapa perbezaan kecil antara salinan-salinan tersebut. Mereka membetulkan perbezaan tersebut dan menghasilkan satu salinan baru Al-Quran, yang dikenali sebagai Mushaf Uthman. Salinan ini dianggap sebagai teks muktamad Al-Quran. Mushaf Uthman kemudian diedarkan di seluruh dunia Islam. Ia disalin dengan tangan dan dihafal oleh ribuan Muslim. Akibatnya, teks Al-Quran telah diawetkan dengan ketepatan yang luar biasa. Hari ini, terdapat jutaan salinan Al-Quran yang wujud, dan semuanya mengandungi teks yang sama seperti Mushaf Uthman.

Perkembangan Hadis

Hadis adalah salah satu sumber hukum Islam yang kedua setelah Al-Quran. Secara harfiah, "hadis" dalam bahasa Arab berarti "berita" atau "khabar". Secara lebih khusus, dalam konteks Islam, hadis merujuk pada laporan atau tradisi yang menggambarkan perbuatan, perkataan, atau persetujuan diam Rasulullah Muhammad SAW dan tindakan-tindakan atau ucapan-ucapan yang disetujuinya. Hadis dan Al-Quran membentuk dua sumber utama hukum Islam yang dikenal sebagai syariat. Al-Quran adalah wahyu langsung Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, sementara hadis merinci dan menjelaskan ajaran-ajaran Al-Quran serta memberikan panduan lebih lanjut tentang tata cara hidup seorang Muslim. Sejarah perkembangan hadis terbahagi kepada 7 era atau zaman yang dapat diklasifikasikan. Hal ini berikutan cara penjagaan bagi keaslian hadis itu lebih terjamin dan diyakini.

Era pertama adalah pada zaman Rasulullah (abad ke-7 SM - 11 H/632-632 M). Hadis-hadis pertama mulai dicatat secara lisan selama hidup Rasulullah. Sahabat-sahabatnya, seperti Abu Bakar dan Umar, sering mencatat ucapan dan perbuatan beliau. Tidak ada upaya formal untuk mengumpulkan hadis secara tertulis selama masa ini. Kebanyakan informasi disampaikan melalui tradisi lisan. Kemudian era kedua pula iaitu Era Khulaf Ar-Rasyidin (11-40 H/632-661 M) Abu Bakar, Umar, Utsman, dan Ali sebagai khalifah pertama mengumpulkan

dan menyusun hadis secara tertulis. Umar ibn Abdul Aziz (61-101 H/681-720 M), khalifah Umayyah, dikenal sebagai reformator yang mendukung penyusunan hadis secara tertulis.

Seterusnya era Pembukuan Hadis (40-200 H/661-815 M) Periode ini melihat upaya serius dalam mengumpulkan dan menyeleksi hadis. Kitab-kitab pertama tentang hadis muncul, seperti Muwatta Imam Malik dan Sahih al-Bukhari. Tokoh-tokoh seperti Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam at-Tirmidzi, dan Imam an-Nasa'i menyusun koleksi hadis mereka. Manakala era seterusnya iaitu era Perkembangan Ilmu Hadis (200-400 H/815-1010 M) Ilmu hadis berkembang sebagai disiplin ilmu tersendiri, dengan perhatian pada peringkat-peringkat perawi (sanad) dan substansi (matan) hadis. Tokoh seperti Imam al-Bukhari dan Imam Muslim menetapkan standar tinggi dalam penilaian keabsahan hadis.

Era Klasik (400-700 H/1010-1300 M) di mana Perkembangan metodologi ilmu hadis mencapai puncaknya dengan kontribusi dari ulama seperti al-Ghazali, Ibn Hajar al-Asqalani, dan Ibn Salah. Kritik lebih lanjut terhadap perawi hadis dan penelitian lebih lanjut tentang sanad dan matan hadis dilakukan. Seterusnya ialah Era Post-Klasik (700 H ke atas/1300 M ke atas) di mana Ilmu hadis terus berkembang, tetapi seiring waktu, perhatian masyarakat terhadap ilmu hadis menurun. Beberapa gerakan reformasi seperti Wahabi dan Salafi menekankan kembali kepada hadis asli dan menolak praktik-praktik yang dianggap tidak sesuai.

Pada era terakhir, juga dikenali sebagai era Modern (Awal abad ke-20 - Sekarang) iaitu terdapat Kritik terhadap hadis dari kalangan pemikir modern dan reformis. Beberapa mengusulkan penafsiran kontekstual dan kritis terhadap hadis. Ilmu hadis tetap menjadi bagian integral dari studi agama Islam, dan penelitian akademis terus dilakukan.

Kepentingan Menjaga Keaslian Al-Quran dan Hadis di Era Digital

1. Al-Quran dan Hadis merupakan sumber hukum Islam

Al-Quran dan Hadis adalah sumber utama dalam agama Islam yang menjadi rujukan oleh semua umat Islam. Sekiranya ia tidak dielihara dan dijaga keasliannya ia akan mencemarkan martabat Islam. Keaslian kedua-duanya adalah faktor penting dalam mengekalkan integriti undang-undang Islam. Hal ini kerana al-Quran dan Hadis merupakan sumber yang saling berkait rapat dan menjadi panduan dalam kehidupan umat Islam seperti kajian yang dilakukan oleh- menyatakan bahawa al-Quran menjelaskan hukum hakam secara terperinci dan hadis menjadi penguat dan pengukuh dari penjelasan hukum tersebut (Fitra, 2019). Oleh itu, penting keatas umat Islam menjaga keaslian al-Quran dan Hadis kerana ia merupakan sumber hukum Islam.

2. Mengelakkan Penyelewengan terhadap Agama Islam

Menjaga keaslian al-Quran dan hadis merupakan kewajiban kepada semua umat Islam. Jika tidak dijaga keasliannya, kemungkinan besar boleh berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran dan hadis. Sangat merisaukan lagi di zaman yang serba moden ini, musuh-musuh Islam secara senyap melakukan penyelewengan tersebut sehingga mengganggu gugat keaslian al-Quran dan hadis yang boleh membawa kepada kesesatan. Menurut Siti Zubaidah, amatlah

merisaukan apabila penyelewengan tersebut bertentangan dengan al-Quran dan Hadis serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam (Zubaidah, 2010). Sekiranya umat Islam sentiasa menjaga dan memelihara al-Quran dan hadis penyelewengan ini tidak akan berlaku. Oleh itu, jelaslah bahawa kepentingan menjaga keaslian al-Quran dan hadis adalah dapat mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan terhadap agama Islam.

3. Mengelakkan salah faham terhadap Al-Quran dan Hadis.

Umat Islam haruslah sentiasa cakna dan teliti ketika membaca teks-teks al-Quran dan hadis dengan merujuk kepada yang pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Hal ini bertujuan untuk mengesan sekiranya berlaku cubaan untuk mengubah keaslian al-Quran dan hadis. Penyelewengan atau pemalsuan Al-Quran dan Hadis boleh menyebabkan tafsiran yang salah terhadap ajaran Islam. Ini boleh membawa kepada kefahaman yang salah dan boleh membawa kepada amalan yang tidak sesuai dengan ajaran sebenar. Menurut (Farahani Talip, 2023) penafsiran al-Quran dan hadis difahami secara literal dan merosakkan makna tafsiran yang sebenar. Perkara ini amat berbahaya dan boleh menyebabkan berlakunya salah faham dan menimbulkan keraguan terhadap al-Quran dan Hadis. Oleh itu, kepentingan menjaga keaslian al-Quran dan Hadis di era digital amatlah penting bagi mengelakkan berlakunya kesalah fahaman terhadap al-Quran dan Hadis dalam kalangan umat Islam.

Cabaran dalam Menjaga Keaslian Al-Quran dan Hadis Di Era Digital

1. Kritikan orientalis terhadap Quran dan Hadis.

Orientalis adalah sebutan untuk para peneliti dan cendekiawan Barat yang memfokuskan diri pada studi tentang dunia Timur, termasuk agama Islam. Beberapa orientalis telah memberikan kritik terhadap ayat-ayat Al-Quran dan hadis dalam konteks akademis. Penting untuk dicatat bahwa pandangan mereka sering kali mencerminkan berbagai pendekatan dan metodologi studi keagamaan, dan pandangan ini tidak selalu mewakili pandangan umat Islam sendiri. Berikut adalah beberapa kritikan yang umumnya diajukan oleh orientalis pada aspek Quran dan hadis.

Kritikan pada Historisitas Ayat Quran dan Hadis, beberapa orientalis menyelidiki dan mempertanyakan historisitas ayat-ayat Al-Quran dan hadis, menunjukkan keraguan terhadap apakah mereka mencerminkan kejadian sejarah yang sebenarnya ataukah lebih bersifat mitologis. Seterusnya, kritikan terhadap Isi Moral dan Etika Beberapa orientalis mengkritik aspek moral dan etika tertentu dari ayat-ayat Al-Quran dan hadis. Mereka dapat menganggap beberapa petunjuk moral sebagai ketinggalan zaman atau tidak sesuai dengan nilai-nilai modern.

Kritikan terhadap Aspek Hukum Aspek hukum dalam Islam yang diambil dari Al-Quran dan hadis juga sering kali menjadi objek kritik. Beberapa orientalis menilai bahwa hukum-hukum Islam tertentu dianggap tidak sesuai dengan norma-norma hukum modern atau hak asasi manusia. Penggunaan Konteks Sejarah, Orientalis sering kali mengkritik pemahaman tradisional Islam terhadap konteks sejarah ayat-ayat Al-Quran dan hadis. Mereka dapat menyarankan interpretasi alternatif berdasarkan konteks sejarah yang berbeda.

Perspektif Feminis, Beberapa orientalis feminis mengkritik ayat-ayat Al-Quran dan hadis terkait dengan isu-isu perempuan. Mereka dapat menyoroti ketidaksetaraan gender atau interpretasi yang dianggap merugikan perempuan. Selain itu, mereka juga mengkritik terhadap Metodologi Tradisional, Sebagian orientalis mengkritik metode tradisional yang digunakan oleh ulama Muslim dalam mengonfirmasi keabsahan hadis. Mereka dapat menyatakan bahwa metodologi ini tidak cukup kritis atau bersifat diterima begitu saja.

2. Golongan yang mahu mengubah ayat-ayat Allah.

Dalam Al-Quran, Allah menyebut tantangan bagi orang kafir untuk menciptakan surah atau ayat yang serupa dengan Al-Quran, sebagai suatu bentuk ujian atau tantangan untuk membuktikan kebenaran wahyu yang diberikan kepada Nabi Muhammad SAW. Ayat-ayat semacam ini ditemukan dalam beberapa bagian Al-Quran, seperti Surah Al-Baqarah (2:23-24) dan Surah Al-Isra (17:88).

Contoh ayat dari Surah Al-Baqarah (2:23-24) adalah sebagai berikut:

"Dan jika kamu (tetap) dalam keraguan tentang apa yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad), maka datangkanlah satu surah seperti itu dan ajaklah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu adalah orang-orang yang benar. Maka jika kamu tidak dapat melakukannya dan pasti kamu tidak akan dapat (melakukannya), peliharalah dirimu dari neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; yang disiapkan bagi orang-orang kafir."

Tantangan ini menekankan ketidakmampuan manusia untuk menciptakan sesuatu yang serupa dengan Al-Quran dalam keindahan bahasa, kedalaman makna, dan kebenaran spiritual. Al-Quran dianggap sebagai mukjizat linguistik dan keilahian yang tidak dapat ditiru oleh manusia. Tantangan ini diberikan sebagai bukti keunggulan Al-Quran sebagai wahyu ilahi.

3. Golongan yang cuba mencipta dan menukar sabdaan baginda nabi SAW.

Fahaman anti-Hadis antara golongan ajaran sesat yang semakin meluas dalam masyarakat Islam pada suatu ketika dahulu. Pengaruhnya bertambah kuat dengan sokongan dari pihak tertentu misalnya daripada buku, artikel, dan seminar yang menyokong keyakinan ini. Mereka tidak mempercayai Hadis sebagai sumber epistemologi Islam setelah Al-Quran dan menganggap Al-Quran sebagai kitab yang lengkap dan menolak sumber-sumber lain sebagai sumber perundangan Islam. Untuk menguatkan hujah mereka, beberapa ayat Al-Quran cuba diselewengkan tafsirannya. Kebanyakan penyelewengan mereka melibatkan soal akidah, politik, dan feqah (Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, et al, 2016).

Menyalahkan Tafsir Qur'an

Salah satu dasar hujjah beliau mengenai Kod 19 adalah ayat 30 dalam surah al-Muddathir merujuk kepada mu'jizat 19. Beliau mendakwa Kod 19 akan membuktikan kepalsuan tuduhan orang yang mengatakan bahawa Qur'an adalah ciptaan Muhammad. Dakwaan Rashad Khalifa adalah palsu kerana ayat 30 surah al-Muddathir merujuk kepada jumlah para malaikat yang mengawal neraka saqar. Penjelasan tentang jumlah 19 malaikat itu

diberi oleh tuhan dalam ayat 31 berikutnya. Tafsiran bagi ayat 31 itu sengaja disembunyikan oleh beliau untuk menyesatkan orang ramai dan melakukan pendustaan besar terhadap firman Allah.

Menggunakan Bahasa yang Menyesatkan

Dalam upaya untuk merubah persepsi terhadap Hadis, mereka mungkin menggunakan bahasa yang menyesatkan atau menekankan kontroversi dalam tafsir hadis-hadis tertentu.

Penekanan pada Kritik terhadap Hadis

Mengedepankan kritik terhadap validitas dan keandalan Hadis, termasuk menyebut ketidakpastian atau keberagaman dalam riwayat Hadis.

4. Golongan yang mengeksploitasi ayat alquran dan hadith untuk kepentingan individu dan sesetengah pihak

Penyalahgunaan ayat Al-Quran dan Hadis untuk kepentingan individu atau kelompok tertentu merupakan praktik yang tidak sesuai dengan nilai-nilai Islam yang sebenarnya. Beberapa contoh golongan yang mungkin mengeksploitasi ayat Al-Quran dan Hadis untuk kepentingan pribadi atau kelompok, termasuk dalam konteks Bahasa Melayu, dapat melibatkan

1. Pemimpin Politik yang Korup

Pemimpin politik yang korup mungkin mencoba menggunakan ayat Al-Quran dan Hadis untuk mencitrakan diri mereka sebagai pemimpin yang berlandaskan nilai-nilai Islam, sementara sebenarnya mereka terlibat dalam tindakan-tindakan yang tidak bermoral dan korup.

2. Pemimpin Agama yang Ekstrem

Beberapa pemimpin agama ekstrem mungkin menyalahgunakan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis untuk membenarkan aksi-aksi radikal atau tindakan kekerasan, mengklaim bahwa tindakan mereka sesuai dengan pemahaman Islam, padahal hal tersebut bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenarnya.

3. Penipu Agama

Individu yang ingin mengeksploitasi keyakinan agama masyarakat mungkin menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis untuk mendukung klaim atau praktik-praktik yang sebenarnya tidak memiliki dasar kuat dalam ajaran Islam.

4. Kelompok Ekstremis

Kelompok ekstremis dapat menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis untuk merekrut pengikut dan membenarkan aksi-aksi mereka yang merugikan. Mereka mungkin memilih tafsiran yang ekstrem dan mengabaikan konteks yang sebenarnya.

5. Penipuan Dakwah

Individu atau kelompok yang berdakwah mungkin mengeksploitasi ayat-ayat Al-Quran dan Hadis untuk memperoleh dukungan finansial atau pengikut tanpa melakukan praktik dakwah yang benar.

Usaha yang berterusan dalam Menjaga Keaslian Al-Quran dan Hadis Di Era Digital

1. Usaha menjaga keaslian Al-Quran di era digital.

Sebagaimana yang telah diketahui umum bahawa usaha-usaha yang pelbagai bagi menjaga keaslian sumber rujukan bagi umat manusia iaitu Al-Qura'an dan hadis telah dilakukan dari zaman ke zaman. Dan antara usaha baik yang dilakukan pada era ini ialah mewujudkan aplikasi Al-Quran digital, terdapat banyak contoh aplikasi Al-Quran digital seperti Muslim Pro, Quran Majeed, Ayat - Al Quran, iQuran, Al-Quran (Tafsir & by Word), Zekr - Quran Study Software dan banyak lagi. dengan adanya usaha sedemikian umat islam dapat menyangkal para pengkaji barat yang meragui keaslian Al-Quran seperti Luxenberg yang berani mengklaim bahwa bahasa Al-Quran sebenarnya bukan bahasa Arab. Itulah sebabnya banyak kata-kata dan ungkapan yang sering dibaca keliru atau sukar dipahami. Untuk memahaminya harus merujuk pada bahasa Syro-Aramaik yang konon merupakan lingua franca pada masa itu. Al-Quran yang ada sekarang tidak otentik, perlu ditinjau kembali dan diedit ulang. (Anshori, 2018) Hal ini dapat disangkal kerana Al-Quran digital hari ini tiada perbezaan dengan Al-Quran yang ditulis pada zaman-zaman sebelumnya dan ia juga sudah dilengkapi tafsir yang mudah difahami oleh pembaca pada bahasa Al-Quran itu sendiri, yang mana ia tidak mengelirukan.

Antara usaha lain juga, terdapat aplikasi khusus yang dirancang untuk membantu dalam proses menghafal Al-Quran. Aplikasi tersebut menyediakan fitur pengulangan, panduan tajwid untuk membantu dalam menghafalkan ayat-ayat. Sebagai contoh Ayat - Al Quran for Muslims, aplikasi ini menyediakan berbagai fitur, termasuk audio, tafsir, dan fitur khusus untuk memudahkan proses menghafal. Contoh lain seperti Memorize Quran for Kids & Adults, Aplikasi ini dikembangkan dengan tujuan membantu anak-anak dan orang dewasa dalam menghafal Al-Quran. Dilengkapi dengan suara qari terkenal. Juga banyak aplikasi yang dapat menerangkan secara jelas perkembangan penurunan dan kaedah penyusunan Al-Qura'an. Dengan adanya usaha ini, sedikit sebanyak dapat menepis pertikaian oreintalis atau pengkaji barat sebagai contoh Nöldeke yang membahas tentang sejarah muncul dan berkembangnya teks Al-Quran, pengumpulan, dan periwayatannya. Ia juga mempermasalahkan mengapa susunan Al-Quran tidak sesuai dengan masa turunnya. (Anshori, 2018)

Selain itu, menggunakan platform pembelajaran atas talian dari platform pembelajaran secara maya yang mana platform ini menyediakan kursus Al-Quran. Banyak lembaga dan guru agama menyediakan kelas-kelas online untuk memahami, menghafal, dan mendalami ilmu Al-Quran. Juga boleh juga menerusi media sosial hari ini untuk pembelajaran Al-Quran. Antara contoh halaqah Al-Quran secara atas talian seperti Quran Academy yang menyediakan kursus atas talian untuk mempelajari tajwid, hafalan Al-Quran, dan pemahaman ayat-ayat tertentu,

Bayyinah TV yang mana ia dikelola oleh Ustaz Nouman Ali Khan yang menyediakan kursus Al-Quran dengan fokus pada pemahaman dan tafsir. Seterusnya, Al-Maghrib Institute yang Menawarkan berbagai kursus atas talian, termasuk kursus Al-Quran dengan pemahaman mendalam. Darul Arqam Online juga dapat Menyelenggarakan berbagai kursus Al-Quran dan Islam secara online. Yang terakhir seperti iPillars Academy iaitu Platform pembelajaran Islam secara atas talian yang menawarkan kursus Al-Quran dan tajwid.

Pemanfaatan media sosial untuk pembelajaran Al-Quran dapat menjadi alat yang sangat efektif dalam memfasilitasi pemahaman, dan interaksi dalam mempelajari tentang ayat-ayat Al-qura'an dan kandungan syariat Islam padanya. Media social juga boleh menjadi Bergabung dengan kelompok-kelompok pembelajaran di media sosial yang fokus pada Al-Quran. Dalam kelompok ini, anggota dapat saling berbagi pengalaman, tanya jawab, dan sumber-sumber pembelajaran.

2. Usaha menjaga keaslian hadis di era digital.

Penyelidikan Ilmiah dan Pengesahan Sumber. Usaha ini adalah pada libat sama para ulama dan penyelidik dalam penyelidikan ilmiah terhadap hadis-hadis tertentu. Ini melibatkan analisis sanad (rantai perawi) dan matan (teks hadis) untuk memastikan keabsahan sesuatu hadis. Justeru, Menyemak dan mengesahkan sumber-sumber hadis secara kritis juga telah dilakukan bagi mencapai matlamat keabsahan hadis dalam era digital. Hal ini melibatkan penelitian mendalam terhadap kitab-kitab hadis dan mencari kebenaran perawi-perawi hadis. Usaha ini sedikit sebanyak dapat membantu mengawasi pengguna agar lebih berhati-hati terhadap hadis-hadis yang tersebar di media sosial. Dengan bersikap selektif (Ahmad Farih Dzakiy, 2022) dan kritis terhadap hadis-hadis yang terdapat di media sosial, ini merupakan salah satu usaha untuk mengelakkan amalan hadis palsu di kalangan masyarakat. Antara laman yang dapat menjadi contoh padanya dapat diperoleh hadis yang mempunyai semakan dan penilaian para ulama ialah seperti Sunnah.com, yang menyediakan koleksi hadis dari kitab-kitab utama dalam Islam. Hadis-hadis dikumpulkan dari sumber-sumber yang dipercayai dan terdapat penilaian tentang keadaan hadis. Selain itu, Islamweb.net, yang menyediakan maklumat-maklumat agama Islam, termasuk hadis-hadis, dan kadang-kadang menyertakan penilaian kesahihan pada hadis.

Antara lain, usaha baik yang dilakukan pada era ini bagi menjaga keaslian hadis adalah dengan mendigitalisasi sumber-sumber asli hadis. Mentranskripsikan dan mendigitalisasi sumber-sumber asli hadis ini adalah untuk memudahkan akses dan mempercepat proses verifikasi. Digitalisasi juga memungkinkan pencarian cepat dan perbandingan dengan sumber lain. Antara contoh bagi aplikasi yang dapat diakses dengan mudah ialah seperti, Hadith Collection (All in one). Aplikasi ini menyediakan koleksi hadis dari berbagai sumber terpercaya, termasuk Sahih Bukhari, Sahih Muslim, dan lainnya. Selain itu, Hadith 6 Kutub & 42 Book. Aplikasi ini memuat hadis dari enam koleksi utama dan 42 kitab hadis. Tampilan yang bersih memudahkan navigasi. Tampilan yang sederhana membuatnya mudah diakses. Teknologi juga dapat dimanfaatkan sebagai solusi untuk mengatasi penyebaran hadis-hadis palsu. (Ghifari,2023) Perkembangan aplikasi atau platform khusus yang memungkinkan pengguna untuk memverifikasi keaslian hadis dengan mudah dapat menjadi solusi yang efektif. Algoritma cerdas dan basis data yang luas dapat membantu mengidentifikasi hadis palsu dan memberikan informasi yang jelas kepada pengguna.

Perkembangan Aplikasi dan Platform Pendidikan dalam membangun aplikasi dan platform pendidikan yang dapat memberikan akses mudah kepada sumber-sumber hadis asli dan memberikan pengetahuan tentang kaidah-kaidah ilmiah dalam menilai keaslian hadis. Antara aplikasi yang menjadi kegunaan umum seperti aplikasi TikTok dan aplikasi-aplikasi di media sosial yang lain sedikit sebanyak kandungan pengisisan didalamnya dapat membantu dalam penyebaran ilmu hadis. Aplikasi TikTok juga menjadi salah satu platform untuk pendakwah menyebarkan dakwah dan berkongsi ilmu agama. Sebagai contoh, perkongsian dakwah oleh para ulama', ustaz dan ustazah yang memiliki ilmu agama yang tinggi dan fasih dalam bidang mereka. (Norroe, 2023) Dengan ini, orang ramai mula tertarik dengan kaedah baru penyampaian dakwah dan berminat untuk mempelajari tentang ilmu agama. Begitu juga bagi ilmu hadis yang mana penyebaran ilmu berkaitan hadis boleh diperolehi daripada pelbagai sumber.

Kesimpulan

Kesimpulan bagi kajian ini adalah dapat memberikan perspektif yang positif kepada umat pada harini dalam menjaga keaslian Al-Quran dan hadis di era digital, yang mana terdapat banyak cabaran yang akan ditempuhi bagi mencapai matlamat bahawa keaslian Al-Qur'am dan hadis itu terpelihara. walaupun teknologi digital memberikan banyak manfaat, namun disana juga ada cabaran memelihara keasliannya. Jika digunakan dengan sebaiknya ia akan membawa peluang besar untuk menyebarkan ajaran Islam. Dengan berlandaskan pendidikan dan kesedaran, serta mengamalkan amalan terbaik, keaslian Al-Quran dan Sunnah boleh dikekalkan dalam era digital ini dengan adanya usaha-usaha yang berpanjangan dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab. Justeru usaha-usaha yang dinyatakan dalam kajian ini merupakan usaha-usaha besar yang dihasilkan pada era yang serba canggih pada hari ini. Diharap agar kajian ini sedikit sebanyak mampu membentuk natijah dan keberkesanan yang baik pada perspektif umat manusia umumnya agar terus memelihara kalamullah dan sunnah Rasulullah sekaligus beramal dengan dua sumber utama bagi umat manusia iaitu Al-Quran dan Hadis.

Rujukan

Ahmad Farih Dzakiy, A. D. (2022). Hadis Palsu, Pemalsuan Dan Pencegahannya Di Era Digital. *Al-Bayan: Journal of Hadith Studies*.

Anas, N., & Ramlan, M. (2017). The Use of Digital Quran Application among Diploma Students of UiTM Perak Branch, Tapah Campus. *The Use of Digital Quran Application among Diploma Students of UiTM Perak Branch, Tapah Campus*, Vol. 7(2222-6990). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i2/2664>

Anshor, M. (2018). *Tren-Tren Wacana Studi Al-Quran dalam Pandangan Orientalis di Barat*. Yogyakarta: Studi Islam Konsentrasi Studi Al-Quran dan Hadis.

bin Mohammad, M. R., bin A. Adi, M. F., & binti Mohamad, N. K. (2019). *SEJARAH AL-Quran: Tahap-Tahap Perkembangan Pembaharuan Tanda-Tanda Titik Dan Baris Di Dalam Mashaf*. Retrieved from

http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/bahasa/044_KK_Mohamad_Redha_Bin_Mohamad_KUIS.pdf.

Farahani Talip, M. I. (2023). Penyalahgunaan Ayat Al-Quran dan Hadis oleh Golongan Agnostik dalam Persoalan Akidah. *Journal Usuluddin*.

Fitra, S. A. (2019). AL-QURAN DAN HADIS SEBAGAI SUMBER HUKUM ISLAM. *INDO ISLAMIKA*.

Ghifari, M. (2023). Strategi Efektif Dalam Mencegah Penyebaran Hadis Palsu di Media Sosial. *The International Journal of Pegon : Islam Nusantara Civilization*.

Hamnah, H. (2022). PANDANGAN ORIENTALIS TERHADAP QIRO'AT AL-QURAN. *MUSHAF JOURNAL: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Hadis*, 10.

Mazzuki, M. K. H., Mat Nawati, A. H., Abdul Karim, M. Z., & Saidin, M. (n.d.). PERANAN MEDIA SOSIAL DAN KEPENTINGAN PENDIGITALAN HADIS PADA MASA KINI TERHADAP UMMAH. Retrieved from <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/20783/1/PERANAN%20MEDI A%20SOSIAL%20DAN%20KEPENTINGAN%20PENDIGITALAN%20HADIS%20PADA%20MASA%20KINI%20TERHADAP%20UMMAH.pdf>

Norroe, F. N. (2023). ANALISIS PENYEBARAN HADIS-HADIS QUDSI DI TIKTOK. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*.

Nurhadi, & Husti, I. (2023). Hadith In Education In The Digital Era (Case Study At SMK Negeri 5 Pekanbaru). *International Journal of Humanities Education and Social Sciences*, 2(4). <https://doi.org/10.55227/ijhess.v2i4.332>

Prof.Dr.H Amroeni Drajat, M. (2017). *Ulumul Al-Quran Pengantar Ilmu-ilmu Al-Quran*. Depok: KENCANA.

Shah, D. F. (2016). PENYEBARAN HADITH PALSU DALAM MEDIA MASSA DAN MEDIA SOSIAL: REALITI DAN CABARAN. *Jurnal Ilmiah Berwasit*, 1-19.

Shahril Nizam Zulkipli, N. A. (2021). Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0):. *Journal of Social Science*.

Supriyadi, T., Julia, J., Aeni, A. N., & Sumarna, E. (2020). Action Research in Hadith Literacy: A Reflection of Hadith Learning in the Digital Age. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 19(5), 99–124. Retrieved from <https://ijlter.net/index.php/ijlter/article/view/333/336>

Usman, A. H., Wazir, R., Nasir, M. N., Sudi, S., Ismail, Z., Salleh, S., & Abdul Rahman, A. (2016, April 25). (PDF) Golongan Anti Hadis: Isu Dan Cabaran. Retrieved from ResearchGate website:

https://www.researchgate.net/publication/340514236_Golongan_Anti_Hadis_Isu_Dan_Cabaran

Wahyuddin, M. (2013). ULUM AL-QURAN, SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA.
Jurnal Sosial Humaniora.

Widayaningsih, R. C., & Helmy, M. I. (2021). The Fiqh Al-Hadith Of Digital Media: The Method Of Hadith Understanding Of The Website Bincangsyariah.com And Its Contribution To The Moderate Islam Discourse. *Jurnal Ushuluddin*, 29(2), 163.
<https://doi.org/10.24014/jush.v29i2.13954>

Zubaidah, S. (2010). MENANGANI AJARAN SESAT DI KALANGAN UMAT ISLAM.
Jurnal Syariah.